

27/07/2002

Isu kekejaman Israel dibincang bersama Powell

PUTRAJAYA, Jumaat - Isu keganasan antarabangsa dan konflik di Timur Tengah, khususnya mengenai pendudukan Israel di wilayah Palestin, dijangka dibincangkan ketika lawatan rasmi Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell ke Malaysia, mulai Isnin ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia juga akan membincangkan isu hubungan negara di rantau ini dengan Amerika.

Beliau berkata, dalam lawatan itu pegawai kedua-dua negara akan bertukar pandangan mengenai pelbagai perkara.

"Isu seperti keganasan dan konflik di Timur Tengah akan dikemas kini (dalam pertemuan itu) dalam usaha mencari resolusi (menamatkan) pertelagahan di Timur Tengah.

"Ini penting kerana tindakan agresif Israel di Gaza baru-baru ini yang mengorbankan orang awam termasuk sembilan kanak-kanak, perlu dihentikan.

"Dalam hal ini, Israel perlu menghormati pandangan masyarakat antarabangsa supaya mereka keluar dari wilayah Palestin yang diduduki dan tidak mengambil tindakan ketenteraan yang boleh memudaratkan orang awam," katanya di sini, hari ini.

Powell yang dijangka tiba di sini 29 Julai ini, dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) Ke-35 di Bandar Seri Begawan, Brunei.